

1. Setiap murid haruslah mempunyai _____ terhadap diri sendiri bahawa mereka mampu memperoleh kejayaan dalam peperiksaan.

☐ A keyakinan
☐ B kesabaran
☐ C ketabahan
☐ D keupayaan

2. "Usahlah bersedih lagi kerana rezeki Tuhan ada di _____," kata ibu kepada abang.

☐ A mana-mana
☐ B siapa-siapa
☐ C apa-apa
☐ D mana

3. Penularan virus COVID-19 menyebabkan beberapa buah syarikat di negeri ini mengalami _____ dan hampir diisytiharkan muflis.

☐ A kerugian
☐ B kesesatan
☐ C kehilangan
☐ D kemusnahan

4. "Puan dinasihatkan untuk hadir di _____ cawangan bank yang berdekatan untuk proses penggantian kad debit yang baharu," kata operator itu kepada Yasmira.

☐ A mana
☐ B apa-apa
☐ C siapa-siapa
☐ D mana-mana

5. "Tanpa latihan yang cukup, pasukan _____ tidak akan berjaya ke peringkat akhir pertandingan bola tampar itu," kata Maznah kepada rakan-rakannya.

☐ A kita
☐ B saya
☐ C kami
☐ D kalian

6. Para _____ tidak akan turun ke laut untuk menangkap ikan pada musim tengkujuh kerana laut bergelora.

- ☐ A kerani
- ☐ B petani
- ☐ C peraih
- ☐ D nelayan

7. "_____ akan memastikan kebajikan rakyat di negeri ini terpelihara," titah Sultan Alam Syah.

- ☐ A Beta
- ☐ B Kami
- ☐ C Patik
- ☐ D Hamba

8. Kedai kain itu menawarkan _____ harga sehingga tujuh puluh peratus untuk barangan jualannya.

- ☐ A keratan
- ☐ B sekatan
- ☐ C susutan
- ☐ D potongan

9. "Semoga kamu memperoleh _____ yang cemerlang dalam peperiksaan nanti," kata Encik Hamzah kepada anaknya.

- ☐ A kajian
- ☐ B keinginan
- ☐ C keputusan
- ☐ D kemenangan

10. "Ponteng sekolah bukan sahaja menyalahi peraturan sekolah, malah perbuatan tersebut tidak memberikan _____ kebaikan kepada diri kamu," nasihat Cikgu Abu kepada Farid.

- ☐ A mana-mana
- ☐ B siapa-siapa
- ☐ C apa-apa
- ☐ D apa

11. "Ke _____kah peragut itu melarikan diri selepas terjatuh daripada motosikalnya?" tanya Salman kepada Faris.

- ☐ A apa
- ☐ B siapa
- ☐ C mana
- ☐ D mana-mana

12. _____kah yang dipilih menjadi ketua pasukan sepak takraw sekolah kita?

- ☐ A Apa
- ☐ B Mana
- ☐ C Siapa
- ☐ D Siapa-siapa

13. Kota A' Famosa menjadi _____ kemegahan masyarakat di negeri Melaka sejak kejatuhan Portugis pada suatu masa dahulu.

- ☐ A jejak
- ☐ B slogan
- ☐ C lencana
- ☐ D lambang

14. Para petugas media itu teruja apabila _____ diberi peluang untuk menaiki pesawat simulator penerbangan kapal terbang.

- ☐ A dia
- ☐ B kami
- ☐ C beliau
- ☐ D mereka

15. Kami sekeluarga sering mengunjungi _____ yang terletak di seberang jalan itu kerana makanan yang dihidangkannya enak-enak.

- ☐ A butik
- ☐ B klinik
- ☐ C bengkel
- ☐ D restoran

16. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Pak Talib menjual senduk yang dibuat daripada _____ kelapa di gerainya.

- ☐ A daun
- ☐ B sabut
- ☐ C batang
- ☐ D tempurung

17. Mariana dan Ikhwan tidak menghadiri mesyuarat mingguan Persatuan Bulan Sabit Merah kerana _____ menyertai pertandingan bahas peringkat negeri.

- ☐ A dia
- ☐ B kalian
- ☐ C beliau
- ☐ D mereka

18. Penduduk di _____ berasa gembira kerana kampung mereka telah mengalami perubahan dari segi pembangunan dan infrastruktur.

- ☐ A kampung telahak Limbang
- ☐ B Kampung telahak Limbang
- ☐ C kampung Telahak Limbang
- ☐ D Kampung Telahak Limbang

19. “_____ tidak tahu bahawa Musa sebenarnya ialah abang awak,” kata Marina kepada Sofeana.

- ☐ A Kalian
- ☐ B Anda
- ☐ C Saya
- ☐ D Kita

-
20. "Di _____lah kejadian tembak-menembak antara penjenayah dengan polis berlaku siang tadi," kata Yunus sambil menunjukkan sebuah rumah usang di hadapannya.

- ☐ A ini
- ☐ B itu
- ☐ C sini
- ☐ D situ